

12 MAR 2000

Umno-Calon (Kampar)

UMNO KAMPAR CALONKAN DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

KAMPAR, 12 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Kampar hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Badawi masing-masing bagi jawatan presiden dan timbalan presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Bahagian itu mencalonkan Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali untuk bertanding jawatan Naib Presiden.

Ini merupakan pencalonan pertama yang diterima oleh Tajol Rosli untuk jawatan itu, walaupun beliau hanya menawarkan diri untuk mengekalkan jawatan Anggota Majlis Tertinggi (MT) yang disandangnya.

Bahagian Kampar yang bermesyuarat hari ini turut mencalonkan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Abdul Ghani Othman untuk jawatan naib presiden.

Bahagian itu turut mencalonkan Tan Sri Sulaiaman Ninam Shah sebagai pengerusi tetap Umno, manakala ketua Bahagian Ipoh Timur Datuk Yahya Shafie dicalonkan sebagai timbalan pengerusi tetap.

Umno bahagian Kampar turut mencalonkan 25 nama untuk kerusi MT:

- * Tan Sri Ramli Ngah Talib
- * Datuk Nazri Tan Sri Aziz
- * Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob
- * Datuk Aziz Shamsuddin
- * Datuk Zainal Abidin Zin
- * Datuk Ahmad Zahid Hamidi
- * Datuk Radzi Manan
- * Datuk Dr Abdul Hamid Othman
- * Datuk Azmi Khalid
- * Datuk Maznah Hamid
- * Datuk Dr Helmi Yahya
- * Datuk Hassan Harun
- * Datuk Dr Shafie Salleh
- * Raja Ropiah Raja Abdullah
- * Datuk Dr Suleiman Mohamed
- * Datuk Ishak Ismail
- * Datuk Wira Mohamed Ali Rustam
- * Datuk Adam Hamid
- * Datuk Shahrir Abdul Samad
- * Datuk Adnan Yaakob
- * Datuk Jamaluddin Jarjis
- * Datuk Idris Jusoh
- * Datuk Mustapa Mohamed
- * Datuk Salleh Tun Syed Keruak
- * Datuk Shafie Apdal

-- BERNAMA

HJ RI